PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN

Sistem perbankan terus menunjukkan daya tahan yang tinggi pada suku ketiga 2007, disokong permodalan yang kukuh, keberuntungan yang stabil dan kualiti pinjaman yang terus bertambah baik.

Tahap permodalan kekal kukuh

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) berterusan pada 13.1% sepanjang suku ketiga. RWCR menurun sedikit pada akhir bulan September 2007, disebabkan terutamanya oleh penebusan semula modal Kumpulan II, pengagihan keuntungan oleh bank, dan pertumbuhan aktiviti pinjaman yang menyebabkan peningkatan aset wajaran risiko.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
Modal					
CCR (%)	10.5	10.7	10.4	10.7	10.2
RWCR (%)	13.3	13.5	13.1	13.9	13.1

Keberuntungan kekal stabil

Keberuntungan sektor perbankan terus stabil dengan keuntungan sebelum cukai yang mapan pada RM4.28 bilion (S2: RM4.32 bilion). Pendapatan hasil daripada aktiviti berkaitan faedah bertambah baik sedikit, iaitu sebanyak RM0.1 bilion (1%) manakala perolehan urus niaga bersih mencatat peningkatan sebanyak RM0.2 bilion (40.5%). Ini telah diimbangi sebahagian besarnya oleh penurunan kecil pendapatan berasaskan fi (-RM0.08 bilion atau -4.2%). Oleh itu, pulangan berasaskan kadar tahunan atas aset purata dan ekuiti kekal kukuh masing-masing pada 1.5% dan 18.7% (S2: masing-masing 1.4% dan 18.6%).

NPL terus menurun

Tahap pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) terus bertambah baik dengan jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun sebanyak 8.6% kepada RM21.9 bilion pada akhir suku ketiga (S2: RM24.0 bilion). Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh kutipan balik pinjaman yang lebih tinggi (+51.6%) dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar (+47.1%) serta hapus kira yang berterusan (+40.0%) yang menyebabkan peruntukan hutang lapuk yang lebih rendah (-3.4% kepada RM3.2 bilion). Dengan kualiti pinjaman terus bertambah baik, nisbah NPL bersih menurun lagi kepada 3.5% daripada jumlah pinjaman bersih (S2: 4.1%).

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar

